

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA SEMINAR PENGKORPORATAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN**  
**DI HOTEL CROWN PRINCESS, KUALA LUMPUR**  
**23 OKTOBER 2001**

-----

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah dan keizinanNya, dapat kita hadir bersama-sama di Majlis Perasmian Seminar Pengkorporatan Agensi-agensi Kerajaan, yang dianjurkan oleh Gabungan Agensi Amanah Bumiputera dan Perusahaan Awam atau GEMAPUTERA. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur yang telah sudi menjemput saya untuk memberi sepatah dua kata, seterusnya merasmikan seminar ini.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada GEMAPUTERA serta semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan seminar pengkorporatan ini. Saya percaya penganjuran seminar ini akan memberi manfaat kepada para peserta seminar, khususnya di dalam mempertingkatkan lagi kesedaran tentang tanggungjawab dan peranan penting yang dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan melalui pengkorporatan.

3. Seminar pada hari ini adalah penting, khususnya di dalam membincangkan satu isu yang membawa implikasi besar kepada masyarakat, iaitu pengkorporatan agensi-agensi kerajaan atau PKEN-PKEN. Sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan, matlamat utama penubuhan PKEN adalah selaras dengan salah satu daripada dua objektif besar Dasar Ekonomi Baru (DEB), iaitu menyusun semula masyarakat melalui corak gunatenaga, hakmilik di sektor korporat serta pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera (MPPB).

4. PKEN-PKEN yang ditubuhkan di bawah akta sesebuah negeri merupakan jentera pembangunan negeri masing-masing, sebagaimana yang termaktub di dalam Dasar Pembangunan Nasional. PKEN turut bertanggungjawab menjalankan aktiviti ekonomi di peringkat negeri, termasuk pembangunan kawasan industri, pembangunan bandar dan pembangunan semula, pembangunan perumahan, rumah kedai dan ruang niaga, pembangunan infrastruktur untuk pelancongan, pembangunan tanah dan pelaburan, dan lain-lain lagi. Jelaslah bahawa tanggungjawab PKEN begitu berat di dalam pembangunan sesebuah negeri.

5. Walaupun PKEN-PKEN telah menunjukkan sedikit sebanyak kejayaan sebelum ini, namun krisis kewangan asia baru-baru ini ternyata telah menguji dan menjejaskan kebanyakan PKEN-PKEN dan lain-lain agensi kerajaan. Tambahan lagi, terdapat beberapa laporan negatif serta imej yang kurang baik yang telah ditimbulkan mengenai peranan yang dimainkan oleh agensi-agensi kerajaan ini, khususnya di dalam membangunkan golongan bumiputera.

6. Justeru, seminar seumpama ini diharap dapat memperbetulkan mana-mana tanggapan yang kurang tepat. Selain itu, saya berharap seminar ini akan menjadi satu platform untuk mempertingkatkan kerjasama erat di antara agensi-agensi ini. Para peserta seminar dapat bertukar-tukar maklumat dan pengalaman yang semestinya akan membantu ke arah pencapaian prestasi yang lebih menggalakkan.

7. Penganjuran seminar pengkorporatan ini adalah bertepatan pada masanya. Negara sedang menghadapi pelbagai cabaran. Kalau dahulu kita menghadapi krisis kewangan Asia, kini kita berhadapan dengan kelembapan ekonomi global yang mungkin berpanjangan dan mendalam. Justeru, kerajaan telah membuat keputusan bahawa pertumbuhan jangka pendek negara akan dipacu oleh sektor domestik melalui peningkatan penggunaan dan pelaburan. Di dalam hal ini, PKEN-PKEN mempunyai peranan yang besar dalam menjana pembangunan di negeri masing-masing. PKEN-PKEN perlu memperbaiki daya tahan dan daya saing mereka agar dapat melaksanakan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Proses, gerak kerja dan kakitangan yang ada hendaklah disemak dan dikaji semula untuk memastikan ianya mencukupi dan berupaya untuk menongkah arus ekonomi yang semakin deras dan tidak menentu kini.

8. Di samping itu, PKEN-PKEN perlu melihat kepada cabaran-cabaran jangka panjang negara, seperti isu-isu globalisasi dan ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi). Cabaran globalisasi akan memperhebatkan lagi persaingan yang bakal dihadapi, termasuk oleh PKEN-PKEN. Era 'dunia tanpa sempadan' dan 'perkampungan global' ini, yang dipercepatkan oleh kemajuan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (I.C.T.), akan mendedahkan kita kepada ancaman kuasa-kuasa besar serta syarikat-syarikat gergasi luar. Perkembangan ekonomi sejagat menjanjikan persekitaran yang lebih terbuka, lebih liberal dan lebih diterajui oleh pasaran bebas dan persaingan. Justeru, PKEN-PKEN perlu menyusun semula organisasi dan operasi mereka untuk bersiap sedia menghadapi keadaan ini.

9. Era k-ekonomi pula telahpun tiba, dimana kekayaan negara kurang bergantung kepada faktor-faktor pengeluaran, malah lebih kepada peranan ilmu pengetahuan dalam pengeluaran. Malaysia sedang melangkah untuk turut menjadi antara negara yang ekonominya berteraskan ilmu dan kemahiran. Di dalam hal ini, PKEN-PKEN perlu sama-sama melakukan perubahan dan pembaharuan untuk meningkatkan tambahan nilai ("value added") produk dan khidmat mereka melalui penggunaan ilmu pengetahuan. Antara lain, PKEN-PKEN perlu memastikan bahawa kakitangan mereka terlatih dan berkemahiran, serta mempunyai budaya belajar sepanjang hayat.

10. Sukar untuk dinafikan bahawa pengkorporatan berupaya meningkatkan produktiviti organisasi, khususnya dalam menjimatkan kos pengurusan, meningkatkan kecekapan dan daya saing, serta membantu mencapai matlamat dasar ekonomi kerajaan. Namun, autonomi yang lebih melalui pengkorporatan tidak membawa sebarang makna sekiranya pihak pengurusan tidak mengendalikan organisasi itu dengan cekap dan berkesan. Pihak pengurusan perlu menetapkan visi dan misi organisasi yang tepat, seterusnya berusaha untuk mencapai matlamat tersebut melalui strategi dan pelan tindakan yang baik. PKEN-PKEN harus lebih bersedia untuk bertindak sebagai pemain di dalam sistem ekonomi yang dipacu oleh kuasa-kuasa pasaran bebas.

11. Selain itu, pengkorporatan juga mampu menjadi pemangkin ke arah meningkatkan penyertaan bumiputera di dalam sektor korporat dengan menyediakan lebih banyak peluang-peluang keusahawanan. Pengkorporatan berupaya melahirkan ramai usahawan yang berkualiti dan berwibawa. Namun, yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipih tidak akan datang melayang. Peluang-peluang tersebut perlu disambut dengan cermat dan penuh hikmah, dengan pengurusan yang cekap dan teratur, serta dengan usaha yang kuat dan gigih, agar peluang-peluang itu dimanfaatkan sepenuhnya dan tidak terlepas begitu sahaja.

12. Di dalam membincangkan isu pengkorporatan, suka saya menekankan di sini bahawa setiap agensi kerajaan masih perlu memberikan tumpuan kepada peranan mereka sebagai pemangkin dan penyelaras pembangunan ekonomi negeri, termasuk dalam memajukan usahawan bumiputera. Penekanan terhadap peranan ini bukan bermakna usahawan bumiputera akan mendapat perlindungan kerajaan buat selama-lamanya. Sebaliknya kerajaan menaruh harapan agar agensi-agensi yang memainkan peranan dapat meningkatkan kecekapan dan daya saing usahawan bumiputera agar dapat berdiri di atas kaki sendiri secepat mungkin. Selepas itu, mereka perlu bersaing tanpa sebarang pertolongan, lebih-lebih lagi di zaman globalisasi kini.

13. Akhir kata, saya berharap seminar ini akan dapat dimanfaatkan oleh para peserta untuk merapatkan hubungan dan memperkukuhkan kerjasama, serta menggalakkan penyelarasan ke arah meningkatkan imej dan prestasi PKEN dan agensi-agensi di bawah kementerian pembangunan usahawan. Semoga seminar ini akan mencapai segala objektif dan matlamat yang telah digariskan, insya-Allah.

14. Maka dengan lafaz bismillahir rahmanir rahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Seminar Pengkorporatan Agensi-agensi Kerajaan pada pagi ini.

Terima kasih.